

Koperasi USIM: Pengurangan sewa kepada tujuh penyewa premis

Oleh : Rabiatul Adawiyah Kamarudin

NILAI | 21 NOVEMBER – Koperasi Siswa Universiti Sains Islam Malaysia (KOSISWA USIM) mengambil inisiatif dengan memberi pengurangan sewaan premis gerai bagi meringankan beban tujuh penyewa.

Fatin Anis Mahirah Mohammad (pengurus KOSISWA USIM), dalam kenyataan hari ini, memaklumkan bahawa ahli lembaga koperasi siswa bersetuju memberi pengurangan sewa selama tiga bulan kepada penyewa premis gerai bagi bulan oktober, november dan disember.

Pengecualian atau moratorium telah diberikan kepada penyewa premis gerai yang beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama enam bulan daripada bulan April sehingga September.



Gerai sewaan koperasi siswa USIM

Fatin berkata pengecualian dan pengurangan yang diambil adalah selaras dengan saranan Perdana Menteri, mengenai pemberian moratorium yang pernah diumumkan semasa perintah kawalan pergerakan fasa pertama dan pihak koperasi mengikut arahan yang telah dikeluarkan oleh pihak USIM dalam mengurangkan beban penyewa yang menyewa di bawah badan entiti perniagaan di dalam USIM dan memberi sewaan secara percuma kepada peniaga selama enam bulan.

Fatin menyatakan pengurangan sewa sehingga RM50.00 sebulan adalah selepas berbincang dengan peniaga mengenai keuntungan dan kerugian yang berlaku akibat COVID-19 ini dan caj itu sebagai caj sewaan tapak gerai dan ia termasuk caj utiliti. "Dengan inisiatif yang kami berikan ini dapat meringankan beban penyewa dan

membantu para peniaga untuk merancang kewangan dan perniagaan mereka dalam menghadapi COVID-19 fasa yang kedua," menurut pengurus KOSISWA USIM.



Gerai air En. Hilmi

"Syukur ke hadrat Ilahi pengurangan sewa ini banyak membantu dari segi kewangan" berkata Mohd Hilmi Mohd Nasir (penyewa premis gerai lima)

Dalam pada itu, pengurus koperasi siswa usim telah menyatakan bahawa beberapa dana bagi bantuan COVID-19 telah dikeluarkan sejak awal penularan jangkitan COVID-19 pada fasa pertama.

Beliau juga mengatakan bahawa beberapa projek akan dijalankan susulan bagi menyelarikan keuntungan pada masa mendatang dan bersesuaian dengan keadaan COVID-19 pada fasa pertama dan kedua ini.